

40 Kisah Tangisan Rasulullah Dan Para Sahabat

Boleh sedih kerana dunia,
tetapi lebih untung kerana agama



63
S

MUSTAFAR MOHD SUKI



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

40 Kisah Tangisan Rasulullah Dan Para Sahabat

Boleh sedih kerana dunia
tetapi lebih untung kerana agama



PUSTAKA PERDANA



1012102

MUSTAFAR MOHD SUKI

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, kecuali setelah mendapat kebenaran daripada GRUP BUKU KARANGKRAF SDN. BHD.

JAMINAN KEPUASAN TERPELIHARA

Sekiranya terdapat sebarang kesilapan percetakan, sila kembalikan kepada kami untuk diganti dengan naskhah yang baru. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila hubungi kami di talian 03-5101 7388 ext 7400 atau e-mel: karya.bestari@karangkraf.com

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mustafar Mohd. Suki, 1989-

40 KISAH TANGISAN RASULULLAH DAN PARA SAHABAT / MUSTAFAR MOHD SUKI.

ISBN 978-967-86-0885-5

1. Muhammad, --Prophet, --632.

2. Muhammad, --Prophet, --632--Friends and associates.

3. Prophets in the Qur'an. 4. Islamic stories. I. Judul.

II. Judul : Empat puluh tangisan rasulullah dan para sahabat.

297.63



Diterbit & diedarkan oleh: **GRUP BUKU KARANGKRAF SDN. BHD.**



Lot 26, Jalan Renggam 15/5, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-5101 7546 / 7548

Co No: 276419M • AJL No: 931283

• Faks: 03-5101 7588

Dicetak oleh: **ULTIMATE PRINT SDN. BHD.**



Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor,
Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-5101 3388 • Faks: 03-5101 3300



297.63
MUS
**GRUPBUKU
karangkraf**
membarakan jiwa & minda



Kandungan

Mukadimah ix

BAB 1

Kisah Kesedihan Rasulullah SAW 1

KISAH 1

Tangisan Nabi SAW Kerana Beratnya Ujian Yang Menjadi Saksi Kepada Seluruh Manusia Di Akhirat 2

KISAH 2

Tangisan Nabi SAW Ketika Kematian Anaknya Ibrahim 6

KISAH 3

Tangisan Nabi SAW Kerana Kematian Zaid Bin Harithah, Ja'far Al-Tayyar Dan Abdullah Bin Rawahah Dalam Perang Mu'tah 10

KISAH 4

Tangisan Nabi SAW Mengenangkan Kisah Mus'ab Bin Umair 14

KISAH 5

Tangisan Nabi SAW Kerana Allah SWT Tidak Memperkenankan Doanya 18

KISAH 6

Nabi SAW Menangis Ketika Sedang Solat 23

KISAH 7

Nabi SAW Menangis Atas Kematian Uthman bin Maz'un 26

KISAH 8

Tangisan Abu Bakar r.a. Dan Nabi SAW Yang Tidak Mengetahui Apa Yang Berlaku Setelah Kewafatan Baginda 28

BAB 2

Kisah Kesedihan Para Sahabat 33

KISAH 9

Abu Bakar r.a. Yang Mententeramkan Kesedihan Sahabat
Ketika Kewafatan Nabi SAW 34

KISAH 10

Abu Bakar r.a. Yang Sering Menangis Sewaktu Solat 41

KISAH 11

Tangisan Ibnu Abbas r.a. Kerana Kesakitan Nabi SAW 46

KISAH 12

Tangisan Hafsa r.anha Kepada 'Umar Bin Al-Khattab r.a. 51

KISAH 13

Tangisan Fatimah r.a. Ketika Nabi SAW Menanggung
Kesakitan Sakaratul Maut 55

KISAH 14

Tangisan Ummu Aiman Kerana Terputusnya Wahyu 60

KISAH 15

Tangisan Uthman Bin Affan r.a. Di Atas Kubur 64

KISAH 16

Tangisan Abu Hurairah r.a. Sehingga Beliau Pengsan 71

KISAH 17

Wasiat Nabi SAW Yang Membuatkan Hati Sahabat Bergetar
Dan Berlinang Air Mata 79

KISAH 18

Abu Bakar r.a. Menangis Kerana Teringatkan Wasiat Nabi
SAW Di Atas Mimbar 84

KISAH 19

Sapu Tangan Sa'ad Bin Muaz Di Syurga Yang Membuatkan
Anas Bin Malik Menangis 88

KISAH 20

Abu Rafi' Yang Menangis Kerana Kurang Pahalanya Ketika
Dibebaskan Daripada Hamba 92

KISAH 21

Kesedihan Amr Bin Al-As Ketika Hendak Meninggal Dunia 96

KISAH 22

Tangisan Khabbab r.a. Ketika Dibawakan Kain Kafan
Kepadanya 101

KISAH 23

Tangisan Abu Zar Kerana Mengamalkan Wasiat Nabi SAW
Yang Memperbanyakkan Sujud 106

KISAH 24

Tangisan Abu Umamah Kerana Menyayangi Saudaranya 110

KISAH 25

Tangisan Salman Al-Farisi Ketika Nazak 114

KISAH 26

Tangisan Abdullah Bin Umar Apabila Disebut Tentang
Nabi SAW 127

KISAH 27

Anas Bin Malik Menangis Kerana Manusia Telah
Melalaikan Solat 131

KISAH 28

Ubai Bin Ka'ab Menangis Kerana Turunnya Ayat Al-Quran
Kepadanya 135

KISAH 29

Hanzalah Menangis Kerana Kkuatir Dirinya Terkena Sifat
Munafiq 138

KISAH 30

Ummu Sulaim Menangis Atas Kematian Puteri Rasulullah
SAW 143

KISAH 31

Tangisan Ali Bin Abi Talib Yang Ditenteramkan Oleh Nabi SAW 148

KISAH 32

Tangisan Abdullah Bin Umar Kerana Wasiat Nabi SAW 151

KISAH 33

Sa'ad Bin Abi Waqqas Menangis Di Akhir Hayatnya 155

KISAH 34

Abu Said Al-Khudri Menangis Kerana Tidak Mengerjakan
Amar Ma'ruf 160

KISAH 35

'Aisyah r.anha Menangis Kerana Nabi SAW Tidak Pernah
Makan Sehingga Kenyang 164

KISAH 36

Tangisan Abu Hurairah Kerana Ibunya Memeluk Islam 166

KISAH 37

'Aisyah r.anha Menangis Kerana Haid 171

KISAH 38

Umar Bin Al-Khattab Menangis Kerana Melihat
Kesusahan Nabi SAW 174

KISAH 39

'Aisyah Ditenteramkan Oleh Nabi SAW Kerana Fitnah Dajjal 181

KISAH 40

Abu Nadhrah Kkuatir Dirinya Di Syurga Atau Neraka 185

Penutup 188

Rujukan 190

Biodata Penulis 192

Mukadimah

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ
يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

SEGALA puji bagi Allah SWT, kita memuji-Nya, memohon pertolongan dan keampunan-Nya, dan kita berlindung kepada-Nya daripada kejahatan diri dan keburukan amalan-amalan kita. Sesiapa yang Allah SWT beri petunjuk, maka tidak ada yang dapat menyesatkannya dan sesiapa yang Allah SWT sesatkan, maka tidak ada yang dapat memberi hidayah kepadanya.

Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah SWT, tidak ada sekutu bagi-Nya dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad SAW adalah hamba dan utusan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ

مُسْلِمُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kalian mati kecuali dalam keadaan Islam.” (Surah Ali ‘Imran: 102)

Perasaan sedih adalah salah satu fitrah manusia. Ia merupakan sifat yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk melengkapi manusia sebagai makhluk yang sempurna. Tiada sesiapa di dunia ini yang bahagia dan gembira selama-lamanya. Ada ketika, seseorang akan ditimpa suatu peristiwa yang tidak diduga dan menyebabkan air matanya mengalir.

Kejadian-kejadian seperti inilah yang membuat kehidupan kita lebih bermakna kerana ia memberi pengajaran dan pengalaman yang meningkatkan kualiti diri. Namun, perkara yang paling penting dalam menghadapi ujian-ujian tersebut ialah sifat sabar.

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾
أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

“(laitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: ‘Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.’ Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan daripada Tuhan mereka serta rahmat-Nya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya.” (Surah al-Baqarah: 156-157)

Kehidupan ini tidak selamanya indah. Senang dan duka datang silih berganti. Begitu jugalah kehidupan Rasulullah SAW dan para sahabatnya r.anhum pada suatu ketika dahulu. Malah, ujian yang datang kepada mereka adalah lebih berat berbanding kita yang lemah ini. Mereka juga lebih banyak memikirkan urusan-urusan ukhrawi dan perkara-perkara itulah yang lebih mereka risaukan. Namun, kesedihan yang mereka alami tidak membuat mereka berasa putus asa dan lemah untuk terus mendapatkan keredaan Allah SWT.

Semoga himpunan kisah dalam buku ini tidak hanya menghadirkan perasaan hiba dalam diri pembaca, tetapi yang paling penting ialah sejauh mana kita boleh ambil pengajaran daripadanya. Dengan harapan kisah-kisah ini mampu membuat kita berfikir kembali tentang tujuan dan matlamat asal kita hidup di dunia yang fana ini. Amin.

Salam hormat,

Mustafar Mohd Suki



BAB 1

Kisah Kesedihan Rasulullah SAW



KISAH 1

Tangisan Nabi SAW Kerana Beratnya Ujian Yang Menjadi Saksi Kepada Seluruh Manusia Di Akhirat

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ: قَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اقْرَأْ عَلَيَّ"، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَقْرَأُ عَلَيْكَ، وَعَلَيْكَ أَنْزَلَ، قَالَ: "نَعَمْ" فَقَرَأْتُ سُورَةَ النَّسَاءِ حَتَّى أَتَيْتُ إِلَى هَذِهِ الْآيَةِ: {فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ بِشَهِيدٍ، وَجِئْنَا بِكَ عَلَى هَؤُلَاءِ شَهِيدًا} [النساء: 41]، قَالَ: "حَسْبُكَ الْآنَ" فَالْتَفَتْتُ إِلَيْهِ، فَأَذَا عَيْنَاهُ تَذْرِفَانِ

Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. dia berkata: Nabi SAW pernah bersabda kepadaku: "Bacakanlah al-Quran utukku." Maka aku pun berkata: "Wahai Rasulullah, apakah aku akan membacanya untuk kamu, padahal kepada kamu al-Quran diturunkan?" Baginda menjawab:

"Ya." Lalu aku pun membacakan surah al-Nisa', sehingga aku sampai pada ayat: "Dan bagaimanakah sekiranya Kami mendatangkan manusia dari seluruh umat dengan seorang saksi, lalu kami mendatangkanmu sebagai saksi ke atas mereka." Maka Baginda pun bersabda kepadaku: "Cukuplah." Lalu aku menoleh ke arah Baginda dan ternyata kedua matanya menitikkan air. (HR al-Bukhari no. 4583)

🔹 **Siapakah Ibnu Mas'ud r.a.?**

NAMA sebenarnya adalah Abdullah bin Mas'ud bin Ghafil al-Huzali. Beliau adalah sahabat ke-6 yang paling awal memeluk Islam. Beliau berhijrah ke Habsyah dua kali dan mengikut semua peperangan bersama Rasulullah SAW. Dalam Perang Badar, beliau berjaya membunuh Abu Jahal.

**Pada zaman Khalifah 'Umar r.a.,
Ibnu Mas'ud diangkat menjadi
hakim dan pengurus ke Kufah.
Beliau merupakan simbol bagi
ketakwaan, berhati-hati dan
kesucian diri.**

Sanad paling sahih yang bersumber daripadanya ialah apa yang diriwayatkan oleh Sufyan al-Thauri, daripada Mansyur bin al-Mu'tamir, daripada Ibrahim, daripada al-Qamah, daripada Ibnu Mas'ud. Sedangkan yang paling

dhaif adalah apa yang diriwayatkan oleh Syuraik daripada Abu Fazarah daripada Abu Said, daripada Ibnu Mas'ud.

Beliau meriwayatkan hadis daripada 'Umar dan Sa'ad bin Mu'az. Yang meriwayatkan hadis daripadanya adalah al-Abadillah ('Empat orang yang bernama Abdullah'), Anas bin Malik, Jabir bin Abdullah, Abu Musa al-Asy'ari, Al-qamah, Masruq dan beberapa yang lain. Jumlah hadis yang beliau riwayatkan mencapai 848 buah hadis.

Beliau datang ke Madinah dan sakit di sana. Kemudian wafat pada tahun 32 H dan dimakamkan di Baqi'. Uthman bin 'Affan ikut serta mensolatkannya. (Al-Isabah fi Tamyiz sahabah oleh Ibn Hajar Asqalani no. 4945)

🔹 Nabi SAW Menjadi Saksi

Firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ
وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

“Dan yang demikian itu Kami telah menjadikan kalian (umat Islam) sebagai umat pertengahan agar kalian menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas perbuatan kalian.”
(Surah al-Baqarah: 143)

Terdapat hadis-hadis sahih daripada Nabi SAW dalam penafsiran ayat ini yang menjelaskan tentang maksud firman Allah SWT: (أمة وسطا) iaitu: yang memiliki sifat adil dan kebaikan. Sedangkan yang dimaksud dengan kesaksian terhadap umat manusia ialah kesaksian terhadap umat

MUSTAFAR MOHD SUKI

terdahulu pada Hari Kiamat bahawa Rasul-rasul mereka telah menyampaikan Risalah Allah SWT kepada mereka. Dan apa yang dituliskan oleh para ulama Tafsir tidak keluar daripada pengertian tersebut.

Rasulullah SAW bersabda:

Nabi Nuh a.s. dipanggil pada Hari Kiamat, dikatakan kepadanya: "Apakah engkau telah menyampaikan Risalahmu?" Beliau menjawab: "Ya sudah." Lalu dipanggilah kaumnya dan ditanyakan kepada mereka: "Apakah dia telah menyampaikan risalahnya pada kalian?" Kemudian kaumnya menjawab: "Tidak ada seorang pun yang datang menyeru kepada kami." Lalu dikatakan kepada Nabi Nuh a.s.: "Siapa yang bersaksi untukmu?" Beliau menjawab: "Muhammad dan umatnya." Rasulullah SAW bersabda: "Maka yang demikian itu firman Allah: 'Dan yang demikian itu Kami telah menjadikan kalian (umat Islam) sebagai umat pertengahan.'" Yang dimaksud umat pertengahan ialah keadilan. (HR al-Bukhari no. 4487)

KISAH 2

Tangisan Nabi SAW Ketika Kematian Anaknya Ibrahim

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: دَخَلْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَبِي سَيْفِ الْقَيْنِ، وَكَانَ ظَنُرًا لِإِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، فَأَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمَ، فَقَبَّلَهُ، وَشَمَّهُ، ثُمَّ دَخَلْنَا عَلَيْهِ بَعْدَ ذَلِكَ وَإِبْرَاهِيمُ يَجُودُ بِنَفْسِهِ، فَجَعَلَتْ عَيْنَا رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَذْرِفَانِ،

Daripada Anas bin Malik r.a. berkata: Kami bersama Rasulullah SAW mendatangi Abu Saif al-Qaiyn yang (isterinya) telah mengasuh dan menyusui Ibrahim (putera Nabi SAW). Lalu Rasulullah SAW mengambil Ibrahim dan menciumnya. Kemudian setelah itu pada kesempatan yang lain kami mengunjunginya sedangkan Ibrahim telah meninggal. Hal ini menyebabkan kedua mata Rasulullah SAW berlinang air mata.

فَقَالَ لَهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: وَأَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَقَالَ: "يَا ابْنَ عَوْفٍ إِنَّهَا رَحْمَةٌ"، ثُمَّ أَتْبَعَهَا بِأُخْرَى، فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الْعَيْنَ تَدْمَعُ، وَالْقَلْبَ يَخْزَنُ، وَلَا تَقُولُ إِلَّا مَا يَرْضَى رَبُّنَا، وَإِنَّا بِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ لَمَحْزُونُونَ"

Lalu berkatalah Abdul Rahman bin 'Auf r.a. kepada Baginda: "Mengapa engkau menangis, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Wahai Ibnu 'Auf, sesungguhnya ini adalah rahmat (tangisan kasih sayang)." Baginda lalu melanjutkan dengan kalimat yang lain dan bersabda: "Kedua mata boleh mencururkan air mata, hati boleh bersedih, hanya kita tidaklah menyatakan kecuali apa yang diredai oleh Rabb kita. Dan kami dengan perpisahan ini wahai Ibrahim pastilah bersedih." (HR al-Bukhari no. 1303)

🔹 Ibrahim Anak Lelaki Terakhir Rasulullah SAW

RASULULLAH SAW dianugerahkan tiga orang putera dan empat orang puteri. Anak pertamanya Qasim, anak keduanya Zainab, anak ketiganya Ruqayyah, anak keempatnya Ummu Kulthum, anak kelimanya Fatimah, anak keenamnya Abdullah, dan anak yang terakhirnya ialah Ibrahim. Ketiga-tiga putera Baginda iaitu Qasim, Abdullah dan Ibrahim meninggal dunia ketika mereka masih kecil.

Enam dari tujuh anak Rasulullah SAW lahir dari isterinya Ummul Mukminin Khadijah binti Khuwailid r.anha. Manakala seorang lagi iaitu Ibrahim dilahirkan dari rahim hamba sahayanya Mariah al-Qibtiyyah r.anha. (Zaadul Maad I/103)

Sungguh berat ujian yang dihadapi oleh Rasulullah SAW kerana semua anaknya meninggal dunia sebelum Baginda wafat, kecuali Fatimah r.a. yang meninggal setelah kewafatannya.

Fatimah r.a. meninggal dunia pada tahun 11 H setelah enam bulan ayahnya yang tercinta wafat.

Apabila Ibrahim lahir, maka Rasulullah SAW dengan penuh gembira mengkhabarkannya kepada para sahabat. Baginda bersabda:

"Malam ini aku dianugerahi seorang putera, aku menamakannya dengan nama bapaku, Ibrahim." (HR Muslim no. 3315)

Nabi SAW sangat menyayangi Ibrahim, bahkan Baginda berjalan jauh ke daerah 'Awali hanya untuk mencium puteranya itu.

🕯 Kematian Anak Rasulullah SAW

Anas Bin Malik r.a. berkata:

"Aku tidak pernah melihat seorang pun yang lebih sayang kepada anak-anak daripada Rasulullah SAW. Putera Nabi (yang bernama) Ibrahim memiliki ibu susuan di daerah 'Awali di kota Madinah. Maka Nabi SAW pun berangkat ke rumah ibu susuan tersebut dan kami bersama Baginda.

Kemudian Baginda masuk ke dalam rumah yang ternyata dalam keadaan berasap. Suami kepada ibu susuan Ibrahim adalah seorang tukang besi. Nabi SAW pun mengambil Ibrahim lalu menciumnya, lalu Baginda pulang.” (HR Muslim no. 2316)

Akan tetapi, kegembiraan dan kebahagiaan ini tidak bertahan lama ketika Ibrahim berumur 16 atau 17 bulan, anak ini sakit teruk sehingga meninggal dunia.

🕯️ **Nabi SAW Menangis pada Waktu Kematian Anaknya**

Nabi Muhammad telah menyebutkan tangisan atau kesedihan itu bukanlah tanda tidak reda kepada takdir Allah SWT, akan tetapi kerana rasa kasih sayang dan sifat belas insan.

Jika manusia biasa seperti kita menangis atau bersedih kerana disebabkan kematian atau ujian yang menimpa maka ia tidaklah menjadi satu dosa mahupun maksiat.

Sebaliknya, jika kita menolak takdir Allah SWT, meratapi kematian dan seumpamanya maka ia adalah suatu perkara yang ditegah dalam agama.



Apabila kita sedang bersedih, ingatlah sabda Rasulullah SAW ketika puteranya, Ibrahim meninggal dunia:
"Sesungguhnya mata ini boleh menangis, hati boleh bersedih dan tidaklah kita ucapkan melainkan apa yang direcai oleh Rabb kita."

MUSTAFAR MOHD SUKI

Abu Bakar al-Siddiq

"Sesiapa yang menyembah Muhammad SAW, sungguh Muhammad SAW sekarang sudah wafat dan sesiapa yang menyembah Allah, sungguh Allah Maha Hidup dan tidak akan pernah mati."

Anas bin Malik

"Aku tidak pernah menemui sesuatu pun pada zaman Rasulullah SAW seperti apa yang aku temui sekarang melainkan perkara solat. Solat sekarang ini sudah dilalaikan."

Salman al-Farisi

"Sesungguhnya Rasulullah SAW memerintahkan sesuatu kepada kami, tetapi kami meninggalkan apa yang diperintahkan itu. (Iaitu) hendaklah kehidupan duniawi salah seorang dari kami seperti perbekalan orang yang bermusafir."

Juga terdapat dalam bentuk e-book



www.karangkrainmall.com
www.karyabestari.com



ISBN : 978-967-86-0885-5



9 789678 608855

Sem. Malaysia : RM23.00
Sabah/Sarawak : RM26.00



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA